

06/05/2001

Lagenda X komik buatan Gombak

Azran Jaffar

DIA bangga menggelarkan produknya Made In Gombak. Ketika ditanya mengapa memilih Gombak? Dengan senyum lebar sehingga matanya menjadi sedikit kecil, anak muda bernama Mohamad Ezwan Abdul Razak memberitahu:

"Entahlah, mungkin komik ini seistimewa kasut Gombak (merujuk kepada iklan sebuah syarikat petroleum yang ditayangkan di kaca TV sempena kempen bulan kemerdekaan beberapa tahun lalu yang menceritakan mengenai semangat kebangsaan)."

Katanya, tiga daripada mereka yang bertanggungjawab menghasilkan komik ini tinggal di Gombak di pinggir ibu negara, malah editor mereka keturunan Orang Asli menetap di perkampungan Orang Asli Gombak. Cuma pelukis komik saja orang luar dan berasal dari Sarawak."

"Apa lagi yang perlu saya katakan selain mengiakan komik Lagenda X ini buatan Gombak kerana ia juga dicetak di sini," katanya sambil membelek-belek naskhah terbaru komik itu.

"Ini naskhah kedua, baru pagi tadi siap dan akan berada di pasaran hari ini juga dan sekarang kami sedang mengerjakan keluaran keenam," katanya menunjukkan naskhah komik itu kepada penulis.

Jika dilihat daerah pinggir Kuala Lumpur yang lain, Gombak tidaklah seistimewa dan secanggih mana, cuma di sinilah letaknya universiti yang menjadi tempat menimba ilmu pelajar dari pelbagai negara.

Yang dimaksudkan Mohamad Ezwan mungkin beliau berbangga menjadi penghuni Gombak dan di daerah inilah beliau mampu menghasilkan sebuah komik yang tidak kurang hebatnya yang dinamakannya Lagenda X.

Berlatarkan tahun 2005, Lagenda X adalah pengalaman enam pahlawan pelbagai bangsa yang dicipta oleh saintis Melayu, Dr Ahmad Einstein melalui proses kejuruteraan genetik ketika dunia menghadapi serangan makhluk asing.

Watak itu ialah Malim Deman, Garuda, Kucing Bertanduk, Awang Kenit, Badang dan Puteri Lilin yang mempunyai kelebihan tersendiri. Watak ini ditambah dengan Datuk Khalid (Datuk Bandar Prisma), Rina Rahman (wartawan TV13) dan Ratu Zela @ Ibu Zio (pemerintah Zio dari dimensi lain).

Melihat plot cerita komik itu, saya lantas memberitahu Ezwan terlalu berfantasi dan soalan itu disambutnya dengan anggukan serta senyuman.

"Memang saya suka berfantasi tetapi kadang-kadang saya rasa saya ni macam budak-budak pula," katanya.

Mungkin kerana fantasi yang sentiasa bermain di kepalanya menyebabkan Mohamad Ezwan mahu terus mencuba menerbitkan komik sendiri selepas menamatkan pengajiannya dan hasrat itu diberitahu kepada keluarganya, namun bapanya kurang menyetujui keputusannya itu.

Cadangan itu terhenti di situ dan Mohamad Ezwan menerima tawaran menjadi pensyarah di sebuah pusat pengajian tinggi swasta sambil meneruskan pengajian dalam bidang sama secara separuh masa di Universiti Pertanian Malaysia.

Bagaimanapun, selepas tiga semester, dia mengambil keputusan berhenti belajar.

"Satu sebab ialah saya asyik gagal dalam mata pelajaran kalkulus dan saya mula sedar saya buat benda yang saya tak suka," katanya.

Pada penghujung 1999, beliau berhenti dari Cosmopoint dan menghidupkan semula idea penerbitan komik yang dirancang.

Bermula dari situlah perancangan dibuat sehingga akhirnya keluaran sulung Lagenda X berada di pasaran pada pertengahan Mac lalu.

Namun, semenjak idea asal dibincangkan, kumpulan yang menjayakan komik itu kerap bertukar orang sehinggalah tinggal kepada kumpulan yang ada sekarang iaitu Ezwan, Madett (Mahathir Buang - pelukis), Joe (Juhasli yang menggantikan tempat Alan sebagai juruwarna dan Pengarah Seni) serta Jmie (Jusni Jasut - editor).

Mohamad Ezwan berkata, syarikat yang menerbitkan majalah ini, Vision Comics Sdn Bhd ditubuhkan pada April 2000 dan beliau bertindak sebagai Pengarah Urusan.

"Sebenarnya susah nak memulakan projek ini kerana banyak pihak kurang yakin dan beberapa kali kami cuba memohon pinjaman daripada bank dan agensi kerajaan yang berkaitan namun jawapan yang diberi menghampakan," katanya.

Selain menerbitkan komik, Vision Comics kini sedang dalam perancangan dengan sebuah syarikat multimedia untuk menerbitkan Lagenda X dalam bentuk CD-Rom dan dijangka berada di pasaran pada penghujung tahun ini.

Mengenai tenaga kerja Lagenda X, sukar untuk mengatakan ia komik yang sederhana kerana pelukisnya, Madett bukanlah calang-calang orang.

Bekas mekanik kapal terbang ini juga melukis untuk dua buah penerbitan di Amerika Syarikat, Dark Horse Publication dan Onipress serta menjadi ahli Wizard, majalah mengenai ulasan komik di Amerika Syarikat.

(END)